SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2022 Pengajian Am Semester 2 Muar, Johor + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A [15 markah]

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

1. Berikan **empat** masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. [4]

(a) ……

(b) ……

(c) ……

(d) ……

2. Strategi pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bertujuan untuk melahirkan keupayaan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global.

Nyatakan **tiga** ciri keupayaan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global. [3]

(a) ……

(b) ……

(c) ……

3. Nyatakan **empat** usaha untuk membentuk sebuah bandar yang mesra ekologi. [4]

(a) .....……

(b) .....……

(c) .....……

(d) .....

4. Terangkan **dua** kepentingan negara membentuk masyarakat yang liberal. [4]

(a) ……..

……

……

(b) ……..

……..

……

Bahagian B [20 *markah*]

*Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan perbelanjaan mengurus kerajaan persekutuan mengikut sektor ekonomi terpilih pada tahun 2014 dan tahun 2015.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan perbelanjaan telus dan terurus, banyak pendekatan khusus telah dibuat dalam perbelanjaan mengurus sektor ekonomi bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang positif. Unjuran ekonomi yang positif akan meningkatkan jumlah pelaburan asing negara kita.

Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan mengurus sektor ekonomi bagi sektor terpilih pada tahun 2015 mencatatkan RM 19883 juta iaitu RM768 juta lebih banyak daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan tahun 2014. Terdapat lima sektor ekonomi terpilih iaitu sektor pertanian dan pembangunan luar bandar, sektor tenaga dan kemudahan awam, sektor perdagangan dan perindustrian, sektor pengangkutan serta sektor-sektor lain. Sektor pertanian dan pembangunan luar bandar pada tahun 2014 mencatatkan RM5415 juta iaitu 28.33% daripada jumlah keseluruhan. Namun begitu, perbelanjaan sektor ini menurun sebanyak RM638 juta pada tahun berikutnya.

Sektor tenaga dan kemudahan awam menunjukkan perbelanjaan mengurus yang kecil pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM 125 juta berbanding sektor perdagangan dan perindustrian yang mencatatkan RM6689 juta pada tahun berkenaan. Sektor perdagangan dan perindustrian menunjukkan perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2015 iaitu RM2088 juta lebih banyak berbanding sektor pertanian dan pembangunan luar bandar pada tahun berkenaan. Jumlah perbelanjaan mengurus sektor tenaga dan kemudahan awam menunjukkan peningkatan pada tahun 2015 iaitu mencatatkan RM 246 juta.

Trend peningkatan juga ditunjukkan oleh sektor pengangkutan iaitu perbelanjaan mengurus tahun 2014 adalah sebanyak RM 5355 juta dan meningkat sebanyak 3.04% pada tahun 2015. Sektor-sektor lain pula mencatatkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM2477 juta pada tahun 2015 manakala perbelanjaan mengurus sektor ini tahun 2014 adalah 8.01% daripada jumlah keseluruhan.

Kerajaan merangka pelbagai pendekatan supaya perbelanjaan mengurus sektor ekonomi lebih efektif dan selaras dengan keperluan pembangunan negara.

(Disesuaikan daripada Jadual Perangkaan 2017/18, Kementerian Kewangan Malaysia)

6. Berdasarkan petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai menunjukkan **peratus perubahan** jualan industri kenderaan dari suku pertama hingga suku keempat tahun 2019 hingga jangkaan tahun 2021.

Wabak Covid-19 menjejaskan ekonomi banyak negara, termasuk Malaysia. Sektor automotif adalah antara sektor paling terkesan dari segi angka jualan kenderaan baharu separuh penggal pertama 2020 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pada tahun 2019, jualan kenderaan pada suku pertama mencatatkan sebanyak 143 036 unit dan meningkat kepada 153 281 unit pada suku kedua. Jualan pada suku ketiga merekodkan sedikit penurunan kepada 146 668 unit.

Jualan kenderaan menunjukkan penurunan ketara apabila PKP diumumkan pada 18 Mac 2020. Jualan pada suku pertama mencatatkan sebanyak 106 582 unit, merudum kepada 68 267 unit pada suku berikutnya. Seterusnya, angka jualan menunjukkan peningkatan selepas kerajaan melonggarkan pelaksanaan PKP dengan membenarkan banyak sektor ekonomi beroperasi apabila mencatatkan jualan sebanyak 170 464 unit dan 184 121 unit pada suku ketiga dan suku keempat.

Pada tiga bulan terakhir 2021, jualan kenderaan dijangka merosot dengan ketara berbanding tempoh sama pada 2019 dengan merekodkan 112 754 unit berbanding 161,296 unit pada suku keempat 2019. Pada suku pertama dan suku kedua pula, jualan adalah sebanyak 155 254 unit, meningkat kepada 157 657 unit pada tempoh berikutnya sebelum merosot sebanyak 13 322 unit pada suku ketiga.

Industri automotif negara diramalkan akan terus berkembang selepas mengambil kira faktor pemulihan ekonomi global dan tempatan kita. Kadar faedah pinjaman sewa beli yang lebih rendah serta pengenalan model baharu dengan spesifikasi dan rekabentuk terkini pada harga lebih kompetitif turut menyumbang kepada perkembangan tersebut.

(Dipetik dan diubahsuaikan Laporan Persatuan Automotif Malaysia (MAA), Disember 2020)

Bahagian C [25 *markah*]

Jawab **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Penghayatan dan pengamalan Rukun Negara menghadapi pelbagai halangan untuk direalisasikan. Jelaskan.

8. Inovasi merupakan satu aspek yang diperlukan untuk mencapai status negara maju, namun terdapat kekangan dalam membangunkannya. Bincangkan.

Bahagian A [15 markah]

Jawab semua soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.

1. Berikan **empat** masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. [4]

(a) sikap kakitangan perubatan yang kurang profesional

(b) tekanan kerja yang tinggi pegawai perubatan

(c) peningkatan jumlah pesakit

(d) pengaliran keluar tenaga pakar dari perkhidmatan kerajaan ke swasta

(e) perkhidmatan secara kontrak menyebabkan pegawai perubatan tidak berminat untuk meningkatkan kemajuan kerjaya

2. Strategi pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bertujuan untuk melahirkan keupayaan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global.

Nyatakan **tiga** ciri keupayaan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global. [3]

*a) Tahap **pengetahuan** yang baik dalam literasi dan numerasi (matematik, sains, hal-ehwal negara, seni dan sukan)*

*b) Keupayaan **kemahiran berfikir** secara kreatif dan inovatif*

*c) Keupayaan **kemahiran dwibahasa** (menguasai kemahiran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)*

*d) Keupayaan **kemahiran memimpin***

*e) Memiliki **etika dan kerohanian** yang mantap*

f)** Memiliki **identiti nasional

3. Nyatakan **empat usaha** untuk membentuk sebuah bandar yang mesra ekologi. [4]

a) Meminimumkan pencemaran alam sekitar.

b) Memperbanyak kawasan hijau / menanam lebih banyak pokok / landskap hijau.

c) Menguruskan sisa pepejal dengan sistematik

d) Mewujudkan sistem pengangkutan awam yang efisien

e) Menggunakan teknologi hijau.

f) Menjalankan penyelidikan dan pembangunan(P&P) berkaitan alam sekitar.

g) *Memelihara dan memulihara alam sekitar di bandar*

4. Terangkan **dua** kepentingan negara membentuk masyarakat yang liberal. [4]

a) membentuk perpaduan – keterbukaan menerima budaya dan latarbelakang kaum yang berbeza

Skema Jawapan:

Carta Pai Banding

MALAYSIA: PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGIKUT SEKTOR EKONOMI TERPILIH PADA TAHUN 2014 DAN TAHUN 2015

Tahun / Sektor ekonomi	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan					
	2014			2015		
	RM Juta	Peratus (%)	Sudut (°)	RM Juta	Peratus (%)	Sudut (°)
Pertanian dan pembangunan luar bandar	5415	28.33	101.98	4777	24.03	86.49
Tenaga dan kemudahan awam	125	0.65	2.35	246	1.24	4.45
Perdagangan dan perindustrian	6689	34.99	125.98	6865	34.53	124.30
Pengangkutan	5355	28.01	100.85	5518	27.75	99.91
Sektor-sektor lain	1531	8.01	28.83	2477	12.46	44.85
Jumlah	**19115**	**100**	**360**	**19883**	**100**	**360**

(Disesuaikan daripada Jadual Perangkaan 2017/18,
Kementerian Kewangan Malaysia)

Nisbah jejari = 1:1.02

** Perkataan **TERPILIH** pada tajuk wajib ada, jika tiada B1 (max 10/11/20)*

Bahagian C [25 markah]

7. Penghayatan dan pengamalan Rukun Negara menghadapi pelbagai halangan untuk direalisasikan. Jelaskan.

Pengenalan

Rukun Negara dibentuk dengan hasrat menjadi ideologi kepada pembentukan sebuah negara bangsa yang berpegang teguh kepada lima cita-cita dan prinsipnya. Namun, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara menghadapi pelbagai halangan untuk direalisasikan.

Bil	Isi/Idea	Huraian
1	**<u>Halangan</u>** Perpaduan yang goyah / longgar / lemah	• Interaksi sosial dan hubungan yang terbatas antara rakyat. • Kurang memahami dan menghormati amalan antara kaum. • Kurang menghormati hak kaum lain dan perasaan curiga yang menebal/sentimen perkauman.
2.	Pengaruh negatif budaya luar/asing	• Kurang jati diri memudahkan pengaruh budaya negatif luar tersebar. • Pengaruh budaya negatif luar yang berteraskan hiburan melampau/hedonisme menjadi pilihan. • Mengagungkan budaya negatif luar yang dianggap lebih moden dan memenuhi cita rasa.
3.	Kurang semangat patriotisme/cinta akan negara	• Masyarakat yang terlalu mengejar kebendaan/materialistik • Mementingkan diri sendiri/individualistik berbanding keutamaan masyarakat dan negara. • Sikap rakyat yang berada dalam zon selesa yang melupakan tanggungjawab kepada negara.
4.	Kurang kesedaran penghayatan Rukun Negara	• Kurang penghayatan terhadap kepentingan pendidikan Sejarah dan Sivik dan Kewarganegaraan. • Kurang memahami sejarah pembentukan Rukun Negara. • Budaya Rukun Negara sekadar dilafazkan, bukan dihayati • Kurang penekanan ibu bapa kepada anak-anak tentang kepentingan Rukun Negara. • Kesibukan tugas harian menyebabkan terhakisnya

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar